

ROAD SAFETY MARSHAL CLUB
32, Jalan Wirawati 6, Taman Maluri,
55100 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 603 9200 1994 Fax: 603 9200 6995
Emel: Capt.K.Bala@gmail.com

BORANG RASMI

oleh
PRESIDEN
ROAD SAFETY MARSHAL CLUB

PENCALONAN ANUGERAH KESELAMATAN JALAN RAYA BAGI TAHUN 2011

Sukacita dimaklumkan bahawa **ROAD SAFETY MARSHAL CLUB** akan mula membuka permohonan untuk penganugerahan **PENCALONAN ANUGERAH KESELAMATAN JALAN RAYA** selama satu (1) bulan mulai **1 Ogos 2011** dan akan ditutup permohonan pada **31 Ogos 2011**.

2. Semua permohonan pencalonan perlu dibuat melalui **BORANG RASMI** dengan mendapatkan borang tersebut di **PEJABAT ROAD SAFETY MARSHAL CLUB** seperti yang tertera pada alamat diatas.

3. **PENCALONAN ANUGERAH KESELAMATAN JALAN RAYA** adalah terbuka kepada semua **Warganegara Malaysia** yang berumur **18 tahun keatas**. Penerima anugerah tersebut juga mestilah banyak **menyumbang ke arah keselamatan jalan raya** melalui sumbangan dan khidmat yang cemerlang kepada individu ataupun masyarakat.

4. Permohonan boleh dibuat mengikut pencalonan yang telah dibahagikan kepada kategori berikut:

NO.	KATEGORI
------------	-----------------

1.	INDIVIDU
2.	SYARIKAT KORPORAT
3.	PERSATUAN

Syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

- **INDIVIDU**

Berumur 18 tahun keatas. Mestilah warganegara Malaysia dan banyak menyumbang kearah keselamatan jalan raya.

- **SYARIKAT KORPORAT**

Mereka yang banyak menyumbang ke arah pembaharuan membaik pulih atau mempromosikan keselamatan jalan raya melalui komuniti, penduduk setempat dan orang awam.

- **PERSATUAN**

Mereka yang aktif dan menunjukkan daya usaha yang cemerlang dalam menganjurkan aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya.

5. Perlu dijelaskan **bahawa semua permohonan pencalonan hendaklah mematuhi ketetapan dan syarat-syarat yang ditetapkan.** Senarai calon-calon yang berjaya akan diumumkan pada Mesyuarat Agung Majlis Keselamatan Jalan Raya Peringkat Daerah.

6. **Penganugerahan Keselamatan Jalan Raya** akan diadili oleh hakim-hakim yang berpengalaman. Antaranya termasuk wakil **RSMC, JKJR, MKJR, MIROS, AAM, SIRIM, PUSPAKOM, LPKP, DAN JPJ.**

7. Pemenang anugerah bagi setiap kategori akan menerima:

- **INDIVIDU** : Sebuah komputer riba, sijil serta piala
- **SYARIKAT KORPORAT** : Sijil dan piala
- **PERSATUAN** : Sijil dan piala

8. Sebarang pertanyaan untuk maklumat lanjut mengenai pencalonan anugerah boleh

berhubung terus kepada :

ROAD SAFETY MARSHAL CLUB

32, Jalan Wirawati 6, Taman Maluri,

55100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 603 9200 1994 Fax: 603 9200 6995

Emel: Capt.K.Bala@gmail.com

Sekian, terima kasih.

K.BALASUPRAMANIAM

PRESIDEN

ROAD SAFETY MARSHAL CLUB